

BAB I

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 Permasalahan Kajian

Malaysia mewarisi sebuah masyarakat majmuk daripada penjajah British. Kewujudan masyarakat majmuk merumitkan tugas pembinaan negara-bangsa setelah negara ini mencapai kemerdekaan. Kemajmukan masyarakat ini turut menjadikan politik Malaysia bersifat unik dan menarik untuk dikaji. Perkembangan politik Malaysia semenjak kemerdekaan hingga hari ini masih didominasi oleh politik perkauman. Hal ini demikian kerana berbagai-bagai kelompok etnik sentiasa mengemukakan tuntutan yang bertentangan dan sukar dipenuhi. Parti-parti politik yang bergerak atas landasan kepentingan sesuatu kelompok etnik juga menyumbang kepada kecenderungan perkembangan ini. Sebagai kelompok etnik yang kedua besar selepas kaum Melayu, masyarakat Cina juga memainkan peranan dalam senario politik Malaysia. Pada umumnya perkembangan politik masyarakat Cina berkait rapat dengan politik Melayu.

Kuasa British yang mengamalkan dasar ekonomi ekstraktif di Tanah Melayu telah membawa masuk orang Cina secara besar-besaran pada awal abad ke-19. Komuniti Cina yang mengadu nasib pada peringkat awal penghijrahan menghadapi pelbagai rintangan dan kekangan dalam menjalani kehidupan harian mereka. Ini adalah kerana mereka terpaksa hidup di bawah suatu pemerintahan asing dan di kalangan orang Melayu yang bahasa pertuturannya langsung tidak difahami oleh mereka. Dalam keadaan yang demikian, selain mencari rezeki hidup, keperluan utama mereka ialah untuk mendapatkan keselamatan sosial. Keinginan bagi memenuhi keperluan utama yang sama di kalangan mereka mendesak mereka memulakan

aktiviti berpersatuan dan berkongsi. Persatuan dan pertubuhan mula ditubuhkan untuk menjaga kebajikan dan kepentingan komuniti Cina.

Persatuan dan pertubuhan sosial masyarakat Cina ini dilabelkan secara kolektif sebagai Huatuan. Pertubuhan sosial orang Cina yang terawal, iaitu *Huiguan* telah ditubuhkan pada tahun 1801 (Wu 1980 : 1-2 ; Chee 1971 : 95). Sejak itu Huatuan telah mengalami perkembangan yang berterusan hingga hari ini berdasarkan keperluan masyarakat Cina terhadapnya pada zaman-zaman yang berlainan. Umpamanya sehingga tahun 2000 dilaporkan terdapat sebanyak 8775 buah Huatuan berdaftar di Malaysia yang terdiri daripada beberapa jenis dengan fungsi yang berbeza (*Sin Chew Jit Poh* 12.3.2000). Bilangan Huatuan yang banyak dan sejarah perkembangannya yang panjang membuktikan pertubuhan-pertubuhan ini telah memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Cina.

Pada peringkat awal penubuhannya, Huatuan menumpukan perhatian pada peranan penjagaan (*custodian role*) kebajikan ahli-ahlinya. Namun perkembangan politik Malaysia menjelang kemerdekaan telah merangsang Huatuan memainkan peranan politik dengan memperjuangkan isu kerakyatan dan bahasa secara yang lebih lantang bagi melindungi hak dan kepentingan masyarakat Cina di Malaysia. Peranan Huatuan menyerlah semula selepas tahun 1969 dengan terlaksananya Dasar Ekonomi Baru (DEB). Huatuan mula berperanan sebagai kumpulan pendesak dengan mengkritik pelaksanaan beberapa dasar kerajaan yang dianggap boleh menghakis hak dan kepentingan komuniti Cina. Malah pada tahun 1982, Dongjiaozong ¹ sebuah Huatuan yang berpengaruh telah bertindak melibatkan diri dalam

¹ Pertubuhan ini merupakan gabungan daripada Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia dan Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia.

politik secara langsung. Beberapa orang aktivis pendidikan Cina menyertai Parti Gerakan untuk bertanding dalam pilihan raya umum di bawah slogan “Enter the Barisan Nasional, Modify the Barisan”. Huraian ini jelas menunjukkan peranan Huatuan berubah akibat perubahan perkembangan politik Malaysia. Politik negara ini pula banyak bergantung kepada perkembangan politik Melayu. Dengan demikian perjuangan Huatuan sebenarnya merupakan reaksi kepada politik Melayu.

Malaysia mencapai kemerdekaan melalui perjuangan gigih dan toleransi antara kaum Melayu, Cina, India, dan lain-lain. Ini memberi peluang kepada tiga kaum yang terbesar untuk bekerjasama dan berkompromi dalam tugas pembinaan negara. Kerajaan yang dibentuk oleh Perikatan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman mencerminkan keadaan ini. Kerajaan ini mengamalkan dasar akomodatif untuk melayan tuntutan-tuntutan kaum yang pelbagai dan sering bertentangan. Politik perkongsian kuasa ini menyebabkan semangat nasionalisme Melayu tidak begitu menyerlah pada tahap masa itu. Pengamalan politik demikian tidak dapat mengimbangkan kemunduran kaum Melayu, terutamanya dalam sektor ekonomi. Kemuncak kegagalan aliran politik ini ialah peletusan tragedi rusuhan kaum 13 Mei.

Peristiwa 13 Mei merupakan titik perubahan dalam perkembangan politik negara ini. Ini adalah kerana Majlis Gerakan Negara dan Barisan Nasional yang dibentuk di bawah pimpinan Tun Abdul Razak bukan lagi berdasarkan perkongsian kuasa tulen tetapi kekuasaan Melayu yang hampir tuntas. Beberapa orang sarjana, umpamanya Milne (1981 : 169), Funston (1980 : 223-226), Zakaria Ahmad (1993 : 153), Stephen Chee (1991 : 67), Ho Khai Leong (1988 : 2-3), dan Vasil (1980 : 208) menganggap kekuasaan ini sebagai hegemoni Melayu. Hegemoni Melayu yang bertunjangkan kekuasaan politik UMNO ini

membawa kepada peminggiran politik masyarakat Cina. Manifestasi hegemoni ini ialah pelaksanaan beberapa dasar kerajaan yang menekan masyarakat Cina. Antaranya ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Akta Penyelarasan Industri, dan Akta Hasutan. Unsur yang menunjangi penggubalan dasar sedemikian ialah semangat nasionalisme Melayu. Pelaksanaan dasar-dasar ini menimbulkan keresahan dan dilema kepada masyarakat Cina.

Dilema yang dihadapi masyarakat Cina menyebabkan pelbagai pihak termasuklah parti politik MCA, Gerakan, DAP, dan juga Huatuan mencari ikhtiar untuk menanganinya. Namun parti-parti politik Cina sama ada yang menganggotai kerajaan ataupun menjadi pembangkang mempunyai kekangan yang tertentu dalam merespons kepada hegemoni politik Melayu.² Hal yang demikian mendorong Huatuan turut memainkan peranan yang penting dalam politik orang Cina dengan pembabitannya secara langsung ataupun tidak langsung. Oleh itu adalah tidak keterlaluan dikatakan bahawa Huatuan merupakan satu lagi kuasa dalam politik masyarakat Cina selain MCA, Gerakan, dan DAP. Dalam hal ini Huatuan yang merupakan badan bukan-kerajaan nampaknya memiliki kebebasan yang lebih luas dan lebih dekat dengan komuniti Cina berbanding dengan parti-parti politik Cina. Kelebihan ini membolehkan Huatuan menggembelng tenaga komuniti Cina dengan efektif untuk menegakkan hak dan kepentingan orang Cina. Dengan yang demikian, peranan Huatuan dalam hal ini merupakan suatu topik yang penting dan menarik untuk diselidiki.

1.2 Tujuan Kajian

Pengkaji melakukan kajian ini dengan dua tujuan utama. Pertama, pengkaji berminat

² Khoo (1995) menggunakan istilah "agony of coalition" dan "futility of opposition" untuk masing-masing menjelaskan ketidakupayaan dan dilema parti-parti politik Cina dalam Kerajaan dan parti pembangkang Cina di bawah dominasi politik Melayu. Lihat perbincangan lanjut perkara ini dalam Bab IV.

meneliti strategi-strategi yang diterapkan oleh Huatuan sebagai reaksi terhadap hegemoni politik Melayu. Dalam menghadapi permasalahan ini, Huatuan mengaplikasikan strategi yang berbeza-beza mengikut tempoh masa yang berlainan. Keberkesanan dan kerelevanan strategi-strategi yang digunakan oleh Huatuan dalam menghadapi cabaran tersebut turut diselidiki dan dinilai.

Kedua, kajian ini juga bertujuan meneliti perubahan dan transformasi yang berlaku ke atas Huatuan dalam usahanya untuk berperanan sebagai kumpulan kepentingan untuk masyarakat Cina di bawah kehegemonian politik Melayu. Penelitian yang demikian akan memperlihatkan arah perkembangan Huatuan dan peranan politiknya dalam tahap masa yang berbeza. Transformasi Huatuan akan dikupas dalam konteks perkembangan dan percaturan politik Malaysia. Dengan pengkajian yang demikian diharapkan saranan-saranan dapat dikemukakan untuk mengukuhkan peranan Huatuan sebagai kumpulan kepentingan yang mampu menyumbang kepada pendemokrasian politik dan pembentukan masyarakat sivil (civil society) yang berkemungkinan membawa perubahan kepada kehegemonian politik Melayu pada masa hadapan.

1.3 Skop Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan meneliti gerakan dan respons yang dilancarkan oleh Huatuan dari tahun 1969 hingga 1999 untuk menghadapi cabaran yang dibawa oleh hegemoni politik Melayu. Tempoh masa 3 dekad ini dipilih memandangkan ia merupakan tempoh pelaksanaan DEB, Dasar Pembangunan Nasional (DPN), dan manifestasi kehegemonian politik Melayu. Tempoh ini juga merupakan masa masyarakat Cina dilanda berbagai-bagai krisis dan dilema. Kajian ini hanya bertumpu kepada Huatuan yang lantang, aktif, dan

berkesan dalam menggembeleng tenaga rakyat Cina untuk berdepan dengan cabaran tersebut. Antara yang mendapat perhatian pengkaji ialah Dongjiaozong, Dewan-Dewan Perhimpunan Cina(DPC), Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (GPCM), Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), dan 15 Huatuan³. Batasan terhadap Huatuan dibuat supaya satu tumpuan kajian dapat dilakukan. Walau bagaimanapun ini tidak pula bermakna Huatuan yang lain akan terus diketepikan. Huatuan yang relevan dalam sesuatu jangka masa akan tetap diteliti untuk memberi satu pengupasan yang lebih menyeluruh.

1.4 Kerangka Perbincangan Teoritis

1.4.1 Hegemoni : Perbincangan Konseptual

Teori hegemoni telah diperkenalkan oleh Antonio Gramsci melalui bukunya yang berpengaruh, *Prison Notebooks*. Sebagai seorang pendukung ideologi Marxisme, beliau berjaya menterjemahkan prinsip-prinsip perjuangan kelas dalam sesuatu sistem ekonomi yang diketengahkan oleh Karl Marx ke dalam satu kerangka teori politik. Hegemoni menurut Gramsci ialah dominasi kelas borjuis terhadap kelas-kelas yang lain dalam sesebuah negara.⁴

³ Pertubuhan sementara ini mula berperanan dengan berlangsungnya Kongres Kebudayaan Cina pada tahun 1983 dan organisasinya bersifat demikian kerana pada waktu itu tiada satu persatuan gabungan Cina seMalaysia. Namun pertubuhan ini dapat berfungsi sehingga penubuhan Gabungan Dewan Perhimpunan Cina Malaysia pada tahun 1991. Persatuan-persatuan yang menerajui pertubuhan tersebut terdiri daripada DPC Selangor, DPC Pulau Pinang, DPC Negeri Sembilan, Dewan Perniagaan Cina Melaka, Dewan Perhimpunan Tiong Hua Terengganu, Dewan Perhimpunan Tiong Hwa Kelantan, Dewan Perniagaan Cian Tiong Hua Kedah, Persatuan Cina Perak, Pergabungan Persatuan-Persatuan Cina Sarawak, Gabungan Persatuan-Persatuan Cina Negeri Johor, Persatuan Dewan-Dewan Perniagaan Cina Pahang, Gabungan Dewan Perniagaan Tiong Hua Sabah, Dewan Perniagaan Cina Negeri Perlis, dan dua persatuan yang menganggotai Dongjiaozong.

⁴ Teori hegemoni lahir daripada pengalaman Gramsci dalam menyertai Gerakan Turin (1919-1920) di Itali yang dicetuskan oleh golongan pekerja. Walaupun pada waktu itu terdapat kesedaran politik di kalangan kelas pekerja, namun gerakan tersebut telah gagal dan kelas borjuis yang dikuasai golongan Fasis muncul sebagai pemenang. Pengalaman ini kemudiannya mendorongnya mengajukan teori tersebut untuk menerangkan kajayaan kelas borjuis.

Kehegemonian kelas borjuis ini dapat dilihat melalui manifestasi nilai-nilai dan norma-norma borjuis ke atas kelompok kelas-kelas yang dikuasai. Hegemoni ini dapat dicapai melalui penggunaan *paksaan* (coercion) dan *persetujuan* (consent) hasil daripada satu kepemimpinan yang berlandaskan moral dan intelektual (Carnoy 1984: 70). Ini menunjukkan bahawa sebagai satu konsep, hegemoni merupakan gabungan yang tidak dapat dipisahkan antara kepemimpinan politik, intelektual, dan kepemimpinan moral (Mouffe 1979).

Konsep hegemoni Gramsci mempunyai dua makna asas yang memerlukan hubungan antara kumpulan-kumpulan sosial atau kelas dalam sesebuah negara. Pertama, ia merujuk kepada satu proses dalam masyarakat sivil yang memperlihatkan penguasaan sesuatu kumpulan dalam kelas dominan terhadap kumpulan-kumpulan bersekutu dalamnya melalui kepemimpinan moral dan intelektual (Carnoy 1984 : 70). Kumpulan peneraju memiliki kuasa dan kemampuan untuk menyuarakan kepentingan kumpulan-kumpulan yang lain. Ia tidak memaksakan ideologi tajaannya ke atas kumpulan-kumpulan bersekutu, sebaliknya ia mengusahakan satu proses transformasi yang bersifat pendidikan dan politikal ke atas kumpulan-kumpulan lain dengan bersandarkan prinsip hegemonik yang menyaksikan penerapan pandangan dunia dan kepentingan-kepentingan semua kumpulan. Kedua, konsep hegemoni merujuk kepada hubungan antara kelas dominan dengan kelas yang didominasi. Hegemoni ini bermaksud penguasaan kelas dominan melalui kepemimpinan politik, moral, dan intelektual untuk mewujudkan pandangan kelasnya mengenai dunia sebagai bersifat inklusif dan sejangat serta membentuk kepentingan dan keperluan kumpulan-kumpulan yang subordinat. Hubungan *persetujuan* ini tidak bersifat statik, sebaliknya ia mampu berubah untuk memberi pertimbangan kepada perkembangan sosio-politik yang baru dan tuntutan serta tindakan insan politik yang sering berubah itu (Ibid.).

Berbeda daripada aliran Marxisme tradisional yang menekankan faktor/struktur ekonomi dalam pembangunan kapitalis, Gramsci memberi keutamaan kepada faktor Negara (state) dan masyarakat sivil dalam gagasan teorinya. Penekanan inilah yang memberi kelebihan kepada teori hegemoni. Negara yang dimaksudkan ialah keseluruhan aktiviti praktikal dan teoritikal yang bukan sahaja membolehkan kelas pemerintah menjustifikasi dan mengekalkan dominasinya, malah berusaha memenangi *persetujuan* aktif golongan yang diperintah (Gramsci 1971 : 244). Manakala masyarakat sivil yang dikonsepsikan Gramsci tidak berperanan untuk mengekang kuasa Negara, malah ia berfungsi melindungi kedudukan Negara. Dalam keadaan ini maka masyarakat sivil yang mengutamakan *persetujuan* dikatakan lebih ampuh daripada masyarakat politik yang bertindak berdasarkan kekuasaan.

Gramsci menganjurkan Negara idealistiknya sebagai Negara Sempurna (Integral State) yang merupakan gabungan masyarakat politik dan masyarakat sivil. Masyarakat politik bersifat paksaan, kekerasan, dan intervensi ; manakala masyarakat sivil pula ditunjangi oleh alam *persetujuan*. Dengan takrifan ini, maka Negara mengandungi dua dimensi, iaitu penggunaan cara paksaan melalui arahan pasukan polis dan tentera, dan penerapan *persetujuan* dalam masyarakat sivil yang dapat dilaksanakan menerusi pendidikan, penerbitan, penyiaran, dan filem. Unsur pendidikan amat dipentingkan agar satu *persetujuan* yang teratur dapat direalisasikan.

Dalam gagasan Gramsci, masyarakat sivil adalah satu lokasi yang membolehkan Negara beroperasi untuk memperkukuh kedudukan dan mencapai hegemoni kelas pemerintah. Beliau mencanangkan kepimpinan moral dan intelektual yang berasaskan *persetujuan* sebagai pendekatan yang unggul dalam mencapai matlamat di atas. Kepimpinan

yang demikian harus diamlkan sebelum memperoleh kuasa kerajaan dan diteruskan juga walaupun telah memegang tampuk kuasa kerajaan (Ibid. : 57-58). Keadaan ini mendorong Negara memperoleh dan menuntut *persetujuan* daripada golongan yang diperintah. Maka kelas pemerintah didapati bertindak dengan melancarkan perjuangan ideologi menerusi Negara dan masyarakat sivil agar memperoleh *persetujuan* terhadap nilai-nilai moral, politik, dan kebudayaan yang diketengahkan oleh kelas pemerintah. Dengan ini kekuasaan dan hegemoni kelas tersebut dapat dikekalkan.

Dalam konteks kajian ini hegemoni dilihat bukan dari sudut kelas tetapi dari sudut etnisiti. Dengan landasan ini maka hanya konsep-konsep hegemoni yang relevan dengan permasalahan kajian, iatu dominasi sesuatu kumpulan sosial terhadap kumpulan yang lain dan kepimpinan moral dan intelektual untuk memperoleh *persetujuan* serta penggunaan cara paksaan diterapkan dalam kajian ini. Istilah hegemoni yang diaplikasi dalam kajian ini bermaksud dominasi orang Melayu UMNO dalam bidang politik, ekonomi, dan budaya selepas rusuhan kaum tahun 1969. Spesifikasi ini dibuat ke atas parti pemerintah UMNO kerana dasar perjuangan parti yang berlandaskan nasionalisme Melayu itu bersifat hegemonik. Dominasi UMNO terbentuk sejajar dengan kemunculan orde baru politik negara selepas peristiwa berdarah tersebut yang membolehkan para pemimpinnya menggunakan kekuasaan politik untuk menggubal pelbagai dasar dan polisi yang kelihatannya *memihak* kepada orang Melayu. Hegemoni Melayu ini kemudiannya menyebabkan penghakisan kepentingan kumpulan-kumpulan etnik lain yang seterusnya menimbulkan ketidakpuasan mereka. Namun kehegemonian ini tidak mampu dicabar.

1.4.2 Konflik Etnik : Antara Kompromi dan Hegemoni

Masyarakat majmuk⁵ yang dicirikan oleh pengelompokan (groupings) dan kepelbagaian yang berdasarkan etnisiti selalunya menimbulkan masalah pada proses pembinaan negara-bangsa. Hal ini demikian kerana kemajmukan ini dikatakan mampu merangsang persaingan dan konflik etnik yang seterusnya boleh menggugat keutuhan sesebuah negara. Konflik-konflik ini menghasilkan dominasi dan kejayaan sesuatu kumpulan etnik berbanding dengan yang lain dalam penguasaan kerajaan yang kemudiannya menampilkan penguasaannya ke atas kumpulan etnik lain (Weiner 1987 : 35). Connor (1972 : 327) juga berpendapat bahawa kesedaran etnik merupakan satu kuasa politik yang sedang berkembang di pentas dunia. Keadaan ini menunjukkan etnisiti memainkan peranan yang penting dalam politik sesebuah negara.

Maka itu, etnisiti yang merupakan komponen penting dalam masyarakat majmuk telah dikenal pasti oleh para sarjana sains politik sebagai satu faktor ketidakstabilan dalam negara. Rabushka & Shepsle (1972) dalam kajian mereka yang terkemuka, *Politics in Plural Societies : A Theory of Democratic Instability*, berpendapat bahawa demokrasi yang diamalkan dalam negara majmuk adalah bersifat tidak stabil. Tuntutan-tuntutan etnik yang berbeza dan bertentangan boleh membawa kepada persaingan etnik. Umpamanya tuntutan untuk pengekaln perbezaan kebudayaan oleh sesuatu kumpulan etnik didapati merumitkan usaha pemupukan identiti nasional dan pencapaian perpaduan (Von de Mehden 1969). Dengan demikian perbezaan-perbezaan etnik dalam bidang ekonomi, budaya, dan agama mendorong negara-negara majmuk menerapkan pendekatan pembangunan untuk

⁵ Teori masyarakat majmuk telah diketengahkan oleh J. S. Furnivall melalui kajiannya di Myanmar dan Indonesia. Teori ini kemudiannya dikembangkan oleh M. G. Smith. Untuk keterangan lanjut, rujuk Furnivall (1948) dan Smith (1965).

membendung persaingan dan konflik etnik. Namun Enloe (1973 : 34) dalam kajiannya mendapati bahawa rancangan pembangunan tidak menghapuskan etnisiti secara automatik. Malah pembangunan juga dikatakan berpotensi mencetuskan konflik etnik (Connor 1971).

Kecenderungan ini menunjukkan bahawa faktor etnisiti merupakan suatu kekangan kepada pencapaian kestabilan dalam negara majmuk. Apa yang lebih merumitkan lagi ialah wujudnya masyarakat majmuk yang bersifat dwikutub (bipolar) atau dwimodal.⁶ Dwikutub bermakna pembahagian masyarakat majmuk kepada dua segmen atau kumpulan etnik yang sungguh berbeza dan masing-masing memiliki bilangan ahli yang hampir sama. Keadaan dwikutub menyumbang kepada pelbagai masalah dalam hubungan etnik seperti dalam huraian di bawah :

Ethnically bipolar situations may be likely to produce cleavages which will lead to more intense ethnic competitions and result in more undesirable political consequences than those arising from ethnic divisions which are not bipolar, unless appropriate action is taken by political leaders to prevent this. The fact that the two ethnic groups are roughly equal in numbers does not lead to the kind of "balance" that might exist if there were several groups of comparable size.

(Milne 1981 : 7-8)

Malah Lijphart (1977 : 55) berpendapat bahawa dalam masyarakat dwikutub yang memiliki saiz penduduk yang hampir sama, para pemimpinnya didapati cenderung menggunakan dominasi berbanding dengan kerjasama untuk memenangi sesuatu majoriti. Keadaan demikian mendesak kemunculan hegemoni atau suatu keseimbangan yang

⁶ Untuk perbincangan lanjut tentang persaingan etnik dalam masyarakat yang demikian, lihat Chee (1987) dan Milne (1981) .

merbahaya (Ibid. : 56). Namun sebarang keseimbangan yang dicapai tanpa hegemoni lebih bersifat sementara dan membahayakan hubungan etnik. Situasi ini seterusnya akan mendorong kemunculan kumpulan pelampau dalam kedua-dua segmen etnik dan ini seterusnya membuka jalan kepada persaingan yang mungkin bersifat ganas bagi merealisasikan hakikat hegemoni masing-masing (Milne 1981 : 172).

Keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa masyarakat majmuk yang dibebani oleh masalah etnisiti akan cenderung melahirkan ketidakstabilan dalam negara. Walau bagaimanapun pemimpin-pemimpin politik dalam negara demikian biasanya menggunakan berbagai-bagai cara dan pendekatan untuk menangani masalah ini. Hal ini mendorong sarjana-sarjana sains politik mengemukakan beberapa teori atau model politik tertentu untuk menjelaskan keadaan di negara-negara yang berlainan. Masalah utama yang ketara dalam masyarakat majmuk ialah konflik etnik. Oleh itu penyelesaian konflik etnik selalunya merupakan agenda terpenting dalam usaha pembinaan negara-bangsa. Maka teori dan model politik yang dikemukakan itu juga bertumpu kepada tema tersebut. Teori dan model ini diajukan berdasarkan pengaplikasian tentang cara dan strategi penyelesaian konflik etnik yang berbeza seperti perkongsian kuasa, akomodasi, dominasi, dan sebagainya.

Teori konsosiasionalisme⁷ yang dikemukakan oleh Arend Lijphart merupakan model yang penting dalam memahami pencapaian kestabilan dalam negara-negara majmuk. Lijphart (1977) mencanangkan empat ciri penting dalam teori konsosiasionalismenya. Ciri-ciri ini ialah gabungan perdana (grand coalition) yang disertai oleh para pemimpin politik yang

⁷ Lijphart mula-mula memperkenalkan teori ini dalam kajiannya *The Politics of Accommodation : Pluralism and Democracy in the Netherlands*, Berkeley, University of California Press, 1968. Teori ini kemudiannya digunakan dalam kajiannya yang berpengaruh berjudul *Democracy in Plural Societies : A Comparative Exploration*, New Haven, Yale University Press, 1977.

mewakili berbagai-bagai kumpulan etnik. Ini diikuti oleh kuasa veto yang dimiliki bersama oleh semua kumpulan etnik. Ciri seterusnya ialah kewujudan sistem nisbah (proportionality) untuk setiap kumpulan etnik diwakili dalam parlimen, perkhidmatan awam, dan agensi-agensi kerajaan. Ciri akhir ialah terdapatnya hak autonomi kelompok bagi setiap komuniti yang bertujuan membolehkan mereka melakukan hal-ehwal mereka dengan agak bebas.⁸

Konsosiasionalisme sebagai satu pendekatan untuk membendung konflik etnik didapati gagal berfungsi di sesetengah negara Dunia Ketiga (Ibid. : 46 ; Rothchild 1986 : 66). Ini adalah kerana konsosiasionalisme yang berasaskan penerimaan kemajmukan etnik sebenarnya bertentangan dengan dinamika etnisiti dan nasionalisme yang bertindak atas landasan untuk menegakkan dan seterusnya untuk menguasai sesuatu kumpulan etnik dalam berbagai-bagai bidang. Pendekatan konsosiasional yang menggalakkan penglibatan dalam kegiatan politik berdasarkan etnik juga mampu menyumbang kepada pembahagian etnik yang seterusnya menyebabkan polarisasi dalam masyarakat (Rothchild 1986 : 69). Selain itu, para elit politik didapati tidak berupaya bertindak menjangkau batasan etnik kerana sentimen etnisisme masih mempengaruhi pertimbangan mereka. Selanjutnya konsosiasionalisme dikatakan menawarkan suatu bentuk demokrasi dan kerajaan yang kurang berkesan lantaran kumpulan minoriti juga memiliki kuasa veto (Ryan 1995 : 46).

Selain perkongsian kuasa, dinamika persaingan dan konflik etnik juga boleh ditentukan oleh dominasi. Ian Lustick (1979) memperkenalkan model kawalan (control model) sebagai satu pendekatan yang bertentangan dengan konsosiasionalisme. Menurut model ini, kestabilan dalam masyarakat majmuk boleh dicapai melalui manipulasi segmen atau

⁸ Untuk perbincangan lanjut tentang penggunaan teori Lijphart dalam konteks Malaysia, lihat

kumpulan *superordinate* ke atas segmen *subordinate* (Ibid. : 330). Dominasi ini menyebabkan cabaran kumpulan etnik yang *subordinate* terhadap pucuk pemerintahan yang dikuasai kumpulan *superordinate* tidak mungkin berlaku.

Dominasi ini merupakan manifestasi dari gerak kuasa nasionalisme yang senantiasa ingin melihat penguasaan sesuatu kumpulan etnik terhadap kumpulan etnik yang lain untuk mencapai hegemoni. Hanya dengan kewujudan hegemoni barulah kumpulan *superordinate* dapat merasai keselamatan diri mereka. Keadaan ini mendorong McGarry & O'Leary (1993 : 23-26) mengistilahkan model kawalan ini sebagai kawalan-hegemonik. Untuk membezakan model ini daripada konsosiasionalisme, Lustick (1979 : 330-332) menganjurkan 7 ciri yang menjadi amalan model kawalan :

1. Sumber-sumber negara diagihkan menurut kepentingan yang dipersepsi dan diartikulasikan oleh kumpulan etnik yang dominan dan bukan melalui akomodasi antara elit.
2. Perhubungan antara kumpulan elit bersifat "meresap", yakni kumpulan dominan mengaut apa yang diperlu oleh kumpulannya dan memberi apa yang dianggap sesuai.
3. Ketiadaan rundingan menyeluruh yang menjadi ciri konsosiasionalisme.
4. Peranan "official regime" atau alat-alat negara (state apparatus) berfungsi sebagai instrumen pentadbiran untuk kumpulan dominan.
5. Orde politik yang wujud disahkan oleh ideologi kumpulan dominan dan bukannya berlandaskan kebajikan bersama.
6. Hubungan kuasa antara elit bersifat berat sebelah (asymmetric) dan penumpuan utama kumpulan dominan ialah merangka teknik-teknik yang berkesan untuk memanipulasikan kumpulan yang subordinat.
7. Hubungan antara elit diibaratkan sebagai Tuk Dalang dengan bonekanya.

Model kawalan bercanggah dengan teori konsosiasionalisme dalam banyak aspek. Model kawalan bertunjangkan nasionalisme dan bersifat etnosentrik manakala konsosiasionalisme pula berlandaskan kompromi etnik. Hal yang demikian menunjukkan kedua-dua model ini berada dalam satu dikotomi dan terletak di dua hujung dalam satu kontinum. Keadaan ini mendorong sarjana-sarjana sains politik berusaha mencipta model yang baru dengan menggabungkan model konsosiasionalisme dan kawalan. Model baru ini diajukan oleh Donald Rothchild (1986) dalam kajiannya terhadap konflik etnik di Afrika Tengah yang meliputi negara-negara seperti Sudan, Zambia, Kenya, Uganda, dan Ethiopia.

Model Rothchild ini diberi nama Pertukaran-Hegemonik (Hegemonial-Exchange). Model ini memperlihatkan kerajaan berada di tengah-tengah satu gabungan yang bersifat hegemonik yang merangkumi wakil-wakil daripada pelbagai kumpulan etnik dan wilayah. Dengan gabungan ini rundingan dan kompromi dapat berfungsi untuk memastikan pengagihan sumber-sumber negara dapat diterima oleh kebanyakan pihak. Melalui pendekatan ini konflik etnik mampu dibendung menerusi pengagihan kuasa dan sumber negara. Menurut model ini kerajaan tidak bertindak sebagai penindas tetapi berperanan sebagai pendamai dan fasilitator (Ryan 1995 : 48). Model ini dapat dirumuskan seperti di bawah :

As an ideal type, hegemonial-exchange is a form of state-facilitated co-ordination in which a somewhat autonomous central-state actor and a number of considerably less autonomous ethno-regional interests engage, on the basis of commonly accepted procedural norms, rules, or understandings, in a proses of mutual accommodation.

(Rothchild 1986 : 72)

Kesimpulannya teori atau model yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana di atas bagi mengurus konflik etnik dalam masyarakat majmuk dapat dirumuskan dalam jadual di bawah :

Jadual 1.1 Teori dan Strategi untuk Mengatasi Konflik Etnik

Sarjana	Nama Teori / Model	Ringkasan Teori dan Strategi
Rabushka & Shepsle	Ketidakstabilan Demokratik	Demokrasi bersifat tidak stabil lantaran wujud persaingan etnik
Lijphart	Konsosiasionalisme	Kestabilan dicapai melalui permuafakatan dengan mewujudkan gabungan perdana, kuasa veto, sistem nisbah, dan autonomi segmental
Ian Lustick	Kawalan	Kestabilan dicapai melalui dominasi/hegemoni kumpulan etnik yang dominan.
Rothchild	Pertukaran-Hegemonik	Kerajaan bertindak sebagai pendamai kepada kumpulan etnik agar rundingan dan kompromi dapat dijalankan.

Negara Malaysia merupakan sebuah negara majmuk dan masyarakatnya juga dilihat sebagai bersifat dwikutub (Milne 1981 ; Chee 1987). Ini adalah kerana persaingan dan konflik kepentingan yang berlaku dalam masyarakat adalah berlandaskan pembahagian kepentingan orang Melayu dan orang bukan Melayu. Komuniti Cina yang merupakan kaum kedua terbesar dan lantang dalam perjuangan kepentingannya didapati muncul mewakili kepentingan orang bukan Melayu. Hal yang demikian membolehkan hubungan etnik di Malaysia dianalisis mengikut kerangka persaingan dan konflik etnik. Setakat kini terdapat sejumlah kajian ke atas tema ini.⁹ Hampir keseluruhan kajian tersebut mengaplikasikan pendekatan konsosiasional. Namun peletusan rusuhan kaum tahun 1969 yang memacu kekuasaan politik Melayu ke tahap hegemoni telah membawa orde baru kepada politik Malaysia. Umpamanya Lijphart (1977 : 153) sendiri mengesyaki apakah model konsosiasional masih relevan untuk keadaan Malaysia selepas tahun 1971, Mauzy (1993)

⁹ Antara kajian yang penting ialah Enloe (1970) ; Von Vorys (1975) ; Ratnam (1965) ; Mauzy (1983) ; Milne (1981) dan Vasil (1980).

pula mengistilahkan struktur politik Malaysia selepas tahap itu sebagai “coercive consociationalism” yang bertunjangkan kehegemonian politik Melayu.

Kehegemonian politik Melayu yang didukung UMNO membawa implikasi yang mendalam terhadap perkembangan politik Malaysia. Norma Mahmood (1990 : 29) menganggap bahawa persaingan politik dalam negara tidak akan berkeadaan tolak-ansur sekiranya hegemoni politik Melayu tercabar. Manakala Zakaria Ahmad (1989 : 372) pula berpendapat bahawa demokrasi di Malaysia hanya dapat berfungsi dalam keadaan terjaminnya kehegemonian ini. Hegemoni yang demikian mendorong Stephen Chee (1991) menggunakan model Pertukaran-Hegemonik¹⁰ dalam kajiannya. Pengkaji ini mengutarakan bahawa hubungan kuasa yang berat sebelah di dalam parti-parti komponen BN yang membezakannya daripada model konsosiasional (Ibid. : 67).

Dengan dominasi kuasa politik, kerajaan yang dikuasai UMNO melaksanakan DEB untuk mengatasi masalah kesenjangan etnik dalam bidang ekonomi. Namun tindakan ini didapati menyumbang kepada ketegangan etnik dan pembahagian budaya (Chee 1987 : 134). Manakala Sanusi (1989 : 27) menganggap bahawa pelaksanaan DEB yang mengutamakan kepentingan kumpulan etnik tertentu tidak akan berjaya mencapai perseimbangan ekonomi antara kumpulan etnik. Kecenderungan ini menunjukkan bahawa masalah etnisiti masih terus mewarnai politik negara ini. Oleh itu Myron Weiner (1987 : 35-36) menamakan struktur politik Malaysia selepas tahun 1969 sebagai Negara Kehegemonian Etnik (Ethnic Hegemonic

¹⁰ Chee (1991 : 67 & 85) berpendapat penggunaan modelnya berbeza daripada model Rothchild. Pengkaji itu beranggapan model Rothchild lebih mirip kepada rundingan konsosiasional, namun dia tetap menggunakan nama model tersebut.

State).¹¹ Beliau berpendapat bahawa proses pembinaan negara-bangsa yang bertunjangkan hegemoni di banyak negara baru, termasuk Malaysia, telah mengakibatkan kumpulan-kumpulan etnik kehilangan kuasa dan pengaruh (Ibid.: 36). Manifestasi hegemoni ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam huraian di bawah :

Ethnic hegemony has been exercised in a variety of ways from the repression of ethnic and religious minorities to the more benign use of state power to give preferences in education and employment to the dominant ethnic group.

(Ibid.)

Kehegemonian UMNO dalam kerajaan BN mendorong McGarry & O'Leary (1993 : 25) merumuskan bahawa struktur politik Malaysia selepas tahun 1969 telah berubah dari konsosiasionalisme dan mengahala ke model kawalan. Case (1996 : 148-151) juga turut mempertimbangkan kemungkinan penggunaan model ini ke atas Malaysia. Hakikat ini menunjukkan bahawa hegemoni politik Melayu mirip kepada model tersebut. Oleh itu penulis juga cenderung menerapkan model kawalan dalam kajian ini. Kecenderungan ini diharapkan akan dapat menyerlahkan dinamika dominasi orang Melayu dalam politik Malaysia. Penumpuan yang demikian juga dapat memaparkan dilema-dilema yang melanda masyarakat Cina natijah daripada kehegemonian ini. Dengan ini respons dan peranan Huatuan dapat diselidiki dengan lebih jitu. .

Dalam menghuraikan model kawalan, Lustick (1979 : 332) berpendapat kumpulan etnik yang subordinat akan merespons kepada polisi-polisi anjuran kumpulan superordinat.

¹¹ Myron Weiner merupakan pengkaji yang mula-mula menggunakan istilah ini ke atas Malaysia. Istilah ini kemudiannya telah diaplikasi oleh Ho Khai Leong dalam kajiannya tentang impak DEB yang berjudul *Indigenizing the State : The New Economic Policy and The Bumiputra State in Peninsular Malaysia*, Disertasi Ph.D, Ohio State University, 1988.

Mereka akan menilai peluang untuk membuat rundingan atau penentangan. Dalam hal ini masyarakat Cina yang semakin terpinggir dalam arus politik negara hanya berupaya berperanan sebagai kumpulan subordinat. Huatuan yang merupakan pelindung dan pejuang kepentingan masyarakat Cina turut tidak dapat menjangkau kerangka ini. Dengan peranan ini Huatuan sebenarnya boleh dikategorikan sebagai kumpulan kepentingan (interest group)¹² dan Gabriel Almond mengistilahkan peranan yang demikian sebagai artikulasi kepentingan (interest articulation) (Douglas & Pedersen 1973 : 14). Almond dan Powell (1978 : 169) menganggap artikulasi kepentingan sebagai satu proses tuntutan politik yang disuarakan oleh sesuatu kumpulan ataupun individu. Umpamanya Firdaus (1991 : 58) berpendapat bahawa peristiwa rusuhan kaum 13 Mei di Malaysia merupakan natijah daripada “anomic interest group articulation” oleh orang Melayu yang berbentuk keganasan politik bagi membaiki taraf ekonomi mereka.

Kumpulan kepentingan yang memainkan peranan artikulasi kepentingan boleh bersifat berpersatuan.¹³ Perjuangan persatuan atau pertubuhan dalam mempengaruhi penggubalan dan pelaksanaan sesuatu dasar negara merupakan aktiviti penglibatan politik oleh rakyat sesebuah negara (Huntington & Nelson 1976). Oleh yang demikian pembabitan kumpulan kepentingan atau NGO (Non-governmental Organizations) dalam politik merupakan perkara lumrah terutamanya di negara-negara Barat. Malah di negara-negara yang

¹² Para sarjana sains politik telah mengemukakan definisi yang pelbagai untuk kumpulan kepentingan. Antara yang penting ialah Truman (1971 : 33) yang mendefinisikannya sebagai “kumpulan yang memiliki sikap yang dikongsi bersama dan membuat tuntutan terhadap kumpulan lain dalam masyarakat untuk tujuan pembentukan, pengkalan ataupun peningkatan bentuk tingkah laku yang dicetuskan oleh sikap sepunya itu”.

¹³ Selain berbentuk berpersatuan, kumpulan berkepentingan juga dapat dikategorikan sebagai anomik, bukan berpersatuan, dan institusional, lihat Almond & Powell (1978 : 171-176).

membangun sudah wujud kesedaran di kalangan rakyat untuk menyertai politik dalam erti yang lebih luas melalui pergerakan NGO bagi mewujudkan kerajaan yang lebih bertanggungjawab, telus, dan adil serta penjaminan hak-hak asasi manusia.¹⁴ Penglibatan demokrasi berpartisipasi (participatory democracy) ini selalu dilihat sebagai penyumbang kepada pembentukan masyarakat sivil (civil society).

Dalam konteks Malaysia kemunculan dan kelantangan Huatuan dalam memperjuangkan hak dan kepentingan masyarakat Cina sudah bermula sebelum kemerdekaan lagi. Ho Khai Leong (1992 : 7) mendapati bahawa Huatuan di Malaysia sebagai pertubuhan yang memiliki kepentingan bersama dan memperjuangkannya melalui tindakan politik. Huatuan yang bergerak sebagai kumpulan kepentingan didapati membuat desakan dan tuntutan dalam isu bahasa, kebudayaan dan ekonomi agar memenuhi kepentingan bersama masyarakat Cina. Keadaan ini mendorong penonjolan peranan Huatuan sebagai pejuang dan pelindung kepentingan masyarakat Cina. Kejayaan Huatuan dalam hal ini berkait rapat dengan keunikan bentuk kepimpinan dan keahliannya. Huatuan di Malaysia mengamalkan kepimpinan berantai (interlocking leadership) yang memperlihatkan seseorang tokoh persatuan menerajui beberapa persatuan yang berlainan pada masa yang sama. Kecenderungan ini membolehkan Huatuan dipimpin oleh tokoh yang berwibawa dan memastikan pendirian konsisten dalam mengajukan sesuatu desakan/tuntutan yang seterusnya membolehkannya menggembleng sokongan Huatuan yang lebih banyak. Huatuan juga mempraktikkan keahlian bertindih (overlapping membership) yang membenarkan seseorang itu berkecimpung dalam beberapa pertubuhan dan ini membolehkannya menyuarakan

¹⁴ Untuk perbincangan tentang pengaruh NGO dalam politik negara-negara membangun, lihat umpamanya Fisher (1998).

kepentingan dengan lebih berkesan.¹⁵ Fenomena kecairan (fluidity) dalam kepimpinan dan keahlian ini sebenarnya memberi kekuatan kepada pergerakan Huatuan. Namun perjuangan lantang Huatuan melalui wadah politik yang mampu menggugat pentadbiran BN yang dikuasai UMNO telah menyebabkannya menjadi sasaran penekanan pihak pemerintah.

1.5 Kajian Lepas

Setakat kini terdapat sejumlah kajian tertentu tentang Huatuan di Malaysia telah dijalankan oleh sarjana tempatan dan luar negeri. Semua kajian ini adalah di peringkat sarjana ataupun berbentuk buku, monograf, dan kertas kerja persidangan. Kebanyakan kajian ini menyentuh fungsi Huatuan dari perspektif peranan dan kewujudan persatuan dialek dalam masyarakat Cina. Kajian tentang peranan dan penglibatan Huatuan dalam politik Malaysia ternyata masih kurang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kajian yang dilakukan ini dengan demikian adalah dimaksudkan untuk mengisi kekurangan berkenaan.

Purcell (1967) yang mengkaji komuniti Cina di Tanah Melayu secara menyeluruh dan mendalam telah mengulas kewujudan pertubuhan/persatuan dalam masyarakat imigran itu. Beliau mendapati bahawa penyertaan dalam *Huiguan* dan kongsi gelap merupakan ciri yang menonjol dalam kehidupan komuniti Cina. *Huiguan* bersifat kebajikan manakala kongsi gelap pula merupakan pertubuhan yang menimbulkan kekacauan. Blythe (1969) yang mengkaji aktiviti kongsi gelap dengan terperinci berpendapat bahawa pertubuhan tersebut begitu berpengaruh dan adalah sukar bagi komuniti Cina terlepas daripadanya.

¹⁵ Untuk keterangan lanjut tentang kepimpinan berantai dan keahlian bertindih, lihat perbincangan dalam Skinner (1958).

Douglas & Pedersen (1973) pula mengkaji pertubuhan sukarela di kalangan pelbagai kumpulan etnik di Semenanjung Malaysia. Beliau mendapati bahawa terdapat kecenderungan yang berbeza dalam aktiviti berpersatuan bagi tiga kaum utama di Semenanjung. Komuniti Cina lebih cenderung menyertai *Huiguan*, *guild*, persatuan agama, dan *kongsi*. Mereka kurang menyertai persatuan belia dan peladang. Manakala orang Melayu pula menubuhkan persatuan belia dan peladang dengan banyak. Pertambahan bilangan pertubuhan orang Melayu yang melebihi kaum lain mulai pertengahan tahun 60-an merupakan akibat daripada peningkatan kedua-dua jenis persatuan ini yang diberi galakan dan bantuan dalam penubuhan oleh pihak kerajaan. Manakala kaum India lebih meminati pertubuhan keagamaan dan kebudayaan. Kedua-dua orang pengkaji ini merumuskan bahawa kewujudan pertubuhan sukarela yang semakin berkembang itu tidak berupaya mengendurkan ketegangan hubungan kaum malah memperkasakannya.

Tan Puay Ching (1984/85) menyelidik peranan Jiaozong (Gabungan Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia) dalam memperjuang dan mempertahankan bahasa dan pendidikan Cina dalam tempoh 1960-1969. Pengkaji ini membincangkan ancaman-ancaman serius yang mendepani pendidikan Cina akibat saranan-saranan Laporan Rahman Talib. Kontroversi bahasa Cina sebagai salah satu bahasa rasmi negara pada tahun tahun 60-an juga diteliti dengan memaparkan perjuangan Jiaozong dalam isu ini. Perjuangan komuniti Cina,terutamanya Jiaozong untuk menubuhkan Universiti Merdeka pada akhir tahun 1960-an turut mendapat kupasan pengkaji.

Selanjutnya, Tan Liok Ee (1992) meninjau peranan Dongjiaozong dalam menghadapi hegemoni budaya Melayu untuk tempoh 1951-1987. Pengkaji ini membicarakan

visi para pejuang dan aktivis pendidikan Cina dalam melahirkan sebuah negara multietnik di negara ini. Penelitian terhadap cara-cara perjuangan yang bersifat dalaman dan luaran yang diterapkan oleh pertubuhan itu untuk menegakkan pendidikan Cina juga dibuat. Pengkaji ini mendapati pertubuhan ini telah muncul dan memainkan satu peranan yang menonjol dalam politik Malaysia. Namun ia turut menghadapi kekangan-kekangan dalam mencabar hegemoni budaya Melayu.

Manakala Wong Yoke Nyen (1981) mengkaji peranan Huatuan dalam politik Malaysia (1945-1957) dengan berpaksikan dua isu yang sangat penting kepada masyarakat Cina, iaitu kerakyatan dan pendidikan. Pengkaji ini menyorot penentangan Huatuan terhadap laporan dan akta yang mencengkam pendidikan Cina menjelang kemerdekaan. Antaranya ialah Laporan Barnes, Ordinan Pelajaran 1952, Kertas Putih 1954, Laporan Razak, dan Ordinan Pelajaran 1957. Perjuangan Huatuan dalam isu kerakyatan sejurus sebelum dan selepas kemerdekaan pada tahun 1957 juga ditinjau. Menurut pengkaji ini, perjuangan Huatuan dalam dua isu ini bertujuan mengekalkan identiti kecinaan mereka di Malaysia.

Kajian Ho Khai Leong (1992) menyentuh peranan Huatuan dalam politik Malaysia. Pengkaji ini menamakan Huatuan di Malaysia sebagai “organized interests” lantaran cirinya yang memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina dan tuntutan mereka dalam isu bahasa, budaya, dan ekonomi juga sehaluan. Huatuan didapati memainkan peranan politiknya melalui penggunaan 6 strategi, iaitu pembentukan gabungan, tuntutan dari dalam, rayuan kepada kehakiman, protes dan demonstrasi, dan penyertaan parti pembangkang. Pengkaji ini mendapati peranan politik Huatuan masih dibayangi keetnikan dan pertubuhan ini hanya

memiliki pengaruh dalam tahap pembentukan agenda politik dan bukannya penggubalan sesuatu dasar negara.

Kajian Sia Keng Yek (1997) pula menekankan peranan Huatuan dalam mencetuskan kelahiran gagasan Sistem Dua Barisan dalam politik Malaysia. Pengkaji ini menyusurgalurkan pembentukan dilema dalam masyarakat Cina yang membawa kepada pencetusan gagasan baru ini oleh para pemimpin Huatuan. Pencapaian barisan parti-parti pembangkang yang mendukung gagasan ini dalam pilihan raya umum tahun 1986, 1990, dan 1995 mendapat pengupasan yang terperinci oleh pengkaji ini. Kesimpulan kajian ini ialah gagasan politik ini gagal dalam arena politik Malaysia kerana tiada sokongan kuat daripada rakyat Malaysia yang masih lagi mempunyai keyakinan terhadap kepimpinan BN.

Heng Pek Koon (1998) meneliti respons masyarakat Cina terhadap hegemoni Melayu dalam tempoh 1957-1996. Namun didapati pengkaji ini memfokuskan kajiannya kepada respons parti-parti politik Cina, terutamanya MCA dan DAP dalam menangani hegemoni Melayu. Menurut pengkaji ini, MCA di bawah pimpinan Lee San Choon merespons kepada hegemoni Melayu dengan cubaan untuk meningkatkan imej MCA di masyarakat Cina. Manakala Ling Liong Sik pada awal pimpinannya mengetengahkan isu-isu pendidikan dan kebudayaan Cina sebagai wahana untuk meraih sokongan masyarakat Cina. Sementara itu parti DAP merespons dengan berperanan sebagai pelindung kepentingan masyarakat Cina dan dalam hal ini parti itu berjaya memperoleh undi-undi protes orang Cina. Pengkaji ini merumuskan rusuhan kaum tahun 1969 telah menyedarkan masyarakat Cina tentang kedudukan terpinggir mereka di bawah hegemoni Melayu. Manakala Oong Hak Ching (2000) pula mengkaji pengaruh dasar-dasar British terhadap politik orang Cina untuk tempoh

1942-1955. Tumpuan kajiannya menjurus kepada peranan yang dimainkan oleh MCA dan Parti Komunis Malaya. Oleh itu sorotan pengkaji terhadap Huatuan adalah terhadap

Dengan huraian di atas dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa kajian tentang peranan Huatuan dalam politik Malaysia. Walau bagaimanapun didapati tiada kajian khusus tentang peranan Huatuan dalam menghadapi hegemoni politik Melayu. Ini bermakna masih terdapat lompang-lompang yang perlu diisi untuk penelitian peranan Huatuan dalam politik Malaysia. Maka dengan penuh kesedaran, pengkaji mengusahakan kajian ini dengan harapan dapat mengisi kekosongan ini.

1.6 Kaedah Kajian

Kajian ini bersifat multidisiplin dan kualitatif. Pengetahuan dari disiplin sains politik, sejarah, ekonomi, dan sosiologi diaplikasikan dalam penelitian ini. Kaedah atau metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan dan temu bual etnografik. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mengumpul dan meneliti pelbagai sumber kajian. Dokumen-dokumen jenis rekod, laporan, memorandum, dan deklarasi/perisytiharan dari pelbagai sumber disoroti supaya suatu penelitian yang objektif dapat dilakukan. Dengan penerapan kaedah ini pengkaji akan menganalisis dan membandingkan peristiwa-peristiwa sejarah dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang menunjukkan kehegemonian politik Melayu.

Sementara itu kaedah temu bual etnografik digunakan untuk memperoleh maklumat-maklumat secara langsung dan mendalam daripada tokoh dan aktivis Huatuan pelbagai peringkat yang terbabit dalam pergerakan dan perjuangan persatuan yang diterajui mereka.

Pemimpin-pemimpin dari persatuan peneraju dalam masyarakat Cina, iaitu Dongjiaozong, ACCCIM, GPCM, DPCS, dan Jawatankuasa Suqiu ditemu bual (lihat Lampiran A). Maklumat-maklumat yang diperoleh dari kaedah ini dikupas dan dibanding agar dapat memberi maklumat yang tepat tentang hala tuju dan strategi perjuangan Huatuan. Cara ini dapat memperkukuh analisis dan dapatan kajian pengkaji.

1.7 Masalah Dalam Pengumpulan Maklumat

Pengkaji menghadapi beberapa masalah dalam pengumpulan maklumat bagi melengkap dan memperkemaskan penyelidikan ini. Antaranya ialah ketidaksanggupan beberapa pemimpin dan aktivis Huatuan untuk ditemu bual. Masalah ini diatasi dengan meneliti tulisan mereka dalam bentuk buku dan kenyataan akhbar. Bahan-bahan maklumat untuk kajian ini kebanyakannya berbentuk laporan berita dan kenyataan akhbar yang disimpan di lokasi-lokasi yang berlainan. Oleh itu lebih banyak masa digunakan untuk memperoleh bahan-bahan tersebut. Selain itu, kebanyakan bahan itu ditulis dalam bahasa Cina, namun penguasaan bahasa Cina oleh pengkaji dapat mengatasi masalah ini.

1.8 Batasan Kajian

Bilangan Huatuan yang terdapat dalam masyarakat Cina adalah sangat besar dan kajian ini hanya dapat dijalankan secara makro, iaitu dengan membuat penelitian ke atas Huatuan utama di Malaysia. Maka satu kekurangan kepada kajian ini ialah peninjauan ke atas Huatuan di peringkat tempatan adalah terhad dan pengaruh/penguasaan parti-parti politik Cina, terutamanya MCA terhadap pertubuhan peringkat ini yang dikatakan rancak berlaku juga tidak dapat dilakukan. Dengan demikian maka dapatan kajian ini tidak dapat mencerminkan peranan politik yang dimainkan oleh keseluruhan Huatuan di Malaysia.